



TAWARAN PINJAMAN PELAJARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR SESI PERTAMA TAHUN 2010

Pemohon adalah dipelawa untuk memohon **Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor** dan **Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir 'Fast Track'** bagi mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi **Sesi Pertama Tahun 2010** bermula pada **1 Februari 2010 (Isnin)**.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

1. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat D.Y.M.M. Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - (i) **Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau**
 - (ii) **Ibu atau Bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau**
 - (iii) **Pemohon lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974; atau**
 - (iv) **Pemohon telah bermastautin lebih dari lima (5) tahun di Negeri Selangor dengan pengesahan daripada ADUN/ Penghulu/ Pengerusi JKKK/ Ketua Kampung.**

2. Tawaran ini adalah terbuka bagi peringkat pengajian seperti berikut:
 - (i) Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor:

Semua bidang pengajian peringkat **Ijazah Sarjana Muda/ Diploma** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta pengajian peringkat **Sijil** di Politeknik/ Kolej Komuniti (*tidak termasuk Matrikulasi/ Kursus Persediaan/ Tahun Asas/ A-Level/ ACCA/ Ijazah Lanjutan*).

 - (ii) Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir 'Fast Track' Negeri Selangor:

Bidang kemahiran dan teknikal peringkat **Sijil** di IPTS tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian dalam tempoh kurang dari satu (1) tahun sahaja.

PROSEDUR PERMOHONAN

1. Borang permohonan berharga **RM3.00** boleh diperolehi melalui:
 - (i) Kaunter: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Cawangan Biasiswa & Pinjaman Pelajaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 3, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam; atau
 - (ii) Pos: Dengan mengemukakan sampul surat 16 cm x 23 cm yang dilekatkan dengan **setem 50 sen beralamat sendiri** serta **no. telefon untuk dihubungi** beserta wang pos/ *money order* bernilai RM3.00 atas nama **Bendahari Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor** ke alamat seperti yang tersebut di bawah.

Borang-borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar terus ke alamat berikut:

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Cawangan Biasiswa & Pinjaman Pelajaran
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

2. Tarikh tutup permohonan adalah pada **1 April 2010 (Khamis)**. Borang-borang yang diterima selepas tarikh tersebut atau didapati tidak lengkap **tidak akan dipertimbangkan**. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan permohonan, sila hubungi Urus Setia di talian **03-5544 7480/ 7481/ 7482/ 7543**.
3. Permohonan yang tidak mendapat sebarang maklumbalas dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh tutup permohonan ini adalah dianggap tidak berjaya. Keputusan permohonan boleh disemak melalui laman web rasmi Negeri Selangor www.selangor.gov.my.